

# Ada pihak hasut pekerja bertindak liar - Mahathir

14 JUN 1981

**I**POH 14 Jun. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan tentang adanya pihak tertentu yang bergiat menghasut kaum pekerja bertindak liar terhadap satu-satu perusahaan, yang bukan saja mengakibatkan majikan berkenaan menanggung kerugian besar tetapi menakutkan apelapibelahur.

"Mereka kononnya menjadi juara kepada pekerja-pekerja, tetapi mereka adalah orangnya yang tidak bertanggungjawab", tegasnya ketika berucap merasmikan konvensyen kedua LJMNO Negeri Perak di Dewan Santapan Bangunan Darulridzuan di sini malam tadi.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata para "juara" itu diketahui bertindak menganjur dan mengajar kaum pekerja menjalankan kegiatan liar untuk menjahanamkan perusahaan majikan tempat mereka bekerja.

Golongan tersebut bukan sahaja tidak mengambill pusing tentang akibat tindakan liar mereka, bahkan tidak memikirkan nasib kaum pekerja bila perusahaan yang memberikan gaji kepada orang yang dihasut jahanam.

Beliau tidak menolak adanya kalangan perusahaan di negara ini yang tidak memberikan perhatian sewajarnya kepada kaum pekerja. Kadangkala ada juga kalangan yang menjalankan dasar "diskriminasi" dalam memberikan layanan antara pekerja mereka.

"Tetapi yang menghairankan ada juga laporan yang diberikan tidak betul, kerana yang membuat laporan tidak jujur dan ada kepentingan sendiri", kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri memberi amaran supaya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab memberhentikan kegiatan yang merugikan itu.

Tegasnya, mereka bertindak sesuatu yang bertentangan dengan hasrat kerajaan untuk membasmi pengangguran dan menarik seberapa ramai pembedal luar melabur di negara ini.

"Mereka tidak memikirkan tentang keburukan yang menimpa kaum pekerja setelah tempat bekerja ditutup, atau nasib sebelum mendatkan pekerjaan itu", tambahnya.

Beliau menyeru para pemimpin bahagian atau cawangan UMNO menjauhkan sendikan diri, dia hendak bertindak ke atas satu-satu issue mengenai kaum pekerja dan majikan perusahaan di negara ini.

Kata beliau: "Kita sememangnya sedang menjalankan tindakan positif ke arah menstabilkan gaji pekerja, tetapi kita juga sedang mengambil perhatian tentang adanya penghasut untuk menggagalkan ke-

pesatan perindustrian di tanahair.

"Kalangan pemimpin UMNO perlulah lebih berhati-hati dalam bertindak ke atas satu-satu perkara secara yang tersusun dan tertip".

Timbalan Perdana Menteri menambah, seluruh tenaga UMNO perlu mengubah beberapa sikap, terutama dalam bertindak menyelesaikan masalah yang kadangkala masalah kecil juga di anggapkan mesti dipecahkan dalam perhimpunan agung itu.

Beliau mengajak seluruh tenaga UMNO melancarkan kempen memerangi dakwah parti-parti lawan yang cuba menghalang bumiputera membeli Amanah Saham Nasional.

Bercakap mengenai konvensyen, Timbalan Presiden UMNO, Malaysia, itu berkata, ia merupakan empat untuk membincangkan segala masalah yang berbangkit yang memerlukan tindakan peringkat daerah dan negeri.

Kata beliau, konvensyen negeri itu merupakan suatu perhimpunan yang memberi peluang para pemimpin bahagian dan negeri menumpukan perhatian mereka dalam menyelesaikan beberapa perkara berbangkit, terutamanya mengenai masalah tanah atau lain-lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah menerima sekeping cek berjumlah \$1 juta dari UMNO Negeri Perak untuk disumbangkan kepada tabung Kompleks Ibu Pejabat UMNO Malaysia yang disampaikan oleh Menteri Besar, Dato' Sri Haji Wan Mohamad Haji Wan Teh.